

MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	20 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	480,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	120,121	ArticleSize	1166 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 11,357	PR Value	RM 34,071

## Ya Tuhan

- Oleh: Almaswa Haji Che Ros

*Izinkan saya berkongsi masalah dihadapi. Tujuan saya berkongsi bukan mahu burukkan suami tetapi mahu mencari jawapan kepada masalah saya hadapi ini. Saya seorang ibu kepada dua orang anak dan bekerja di agensi penguatkuasaan. Suami juga bekerja bidang sama namun berlainan pangkat. Dia sering sibuk dengan operasinya dan saya faham kerana ada masanya saya juga sibuk.*

**D**isebabkan saya terlebih faham bidang kerja inilah ada kalanya kami sering bergaduh besar. Gaduh saya ada asasnya kerana sudah banyak kali kawan-kawan saya memberitahu kegiatan suami di luar termasuk pernah terserempak dia dengan wanita lain.

Pernah saya tanya suami, biarpun saya anggota berpangkat rendah tetapi takkanlah setiap kali balik daripada operasi, di tubuhnya ada tanda gigitan cinta. Tapi setiap kali saya bertanya, suami beri macam-macam alasan yang tak masuk akal.

Kes rumah tangga kami pernah dipanggil oleh bos atasannya tapi kata suami memberikan pelbagai alasan dan jawapan. Bila pulang ke rumah, saya pasti akan kena maki dengannya. Dia tanya mengapa saya membuat aduan dan adakah saya mahu kariernya terbunuh kerana hal-hal bodoh ini menurutnya.

Ya Allah, sakitnya hati dengan cara dan jawapannya kerana saya tahu dia tidak sedar akan tanggungjawabnya lagi. Saya akui dia memiliki rupa paras yang kacak tetapi itu bukan soalnya untuk dia berlaku curang dengan orang lain. Kalau sudah ada tanda *love bite* di dada dan sebagainya, itu apa lagi tandanya?

Saya bukan bodoh dan tak suka diperbodohkan tetapi saya jadi benci dengan sikapnya yang suka curang di belakang saya. Untuk makluman Prof, sebelum kami berkahwin,

# BERZINA Kerana Dendam Kepada Suami

saya ada dengar-dengar dia kaki perempuan tetapi saya tak ambil peduli kerana saya beranggapan yang orang boleh berubah tetapi nampaknya sikapnya lebih ketara selepas kami berkahwin.

Prof, saya benar-benar makan hati dengan sikapnya? Kenapa suami begitu dan kenapa saya harus jadi mangsa dirinya? Bagi saya perkahwinan ini satu anugerah tetapi kenapa saya tidak merasakan nikmatnya. Kami hanya tanya bergaduh sahaja dan selebihnya bermasam muka antara satu sama lain sehinggakan prestasi kerja saya merosot.

Jujurnya saya pernah merasakan perkahwinan ini umpama neraka buat saya? Adakah benar perkahwinan umpama neraka buat wanita? Saya betul-betul buntu memikirkannya. Disebabkan

**“Namun kini saya bakal menjadi ahli neraka kerana masih berdendam dan tidak ikhlas menerimanya. Saya terima dirinya kerana anak-anak...”**

sering bergaduh hal ini, kami pernah bercerai talak satu dan ternyata suami berubah sikap kerana di sebalik sikapnya yang suka kepada perempuan, dia memang kalah dengan suara anak-anak.

Suami nampak begitu menyesal dengan perbuatannya dan banyak kali merayu agar kami rujuk semula. Fikirkan anak-anak, saya kembali menerimanya kerana saya tak suka hidup anak-anak terbiar selepas ini. Saya mahu anak-anak ada ayah di sisi mereka.

Prof, saya hanyalah manusia biasa. Perkahwinan bagi saya agar dapat menghindarkan diri dari melakukan dosa zina serta memperbaiki diri agar dapat melakukan ibadat dengan tenang. Namun kini saya bakal menjadi ahli neraka kerana masih berdendam dan tidak ikhlas menerimanya. Saya terima dirinya kerana anak-anak. Adakala saya merasakan menyesal menerimanya kali kedua.

Bahkan saya menerima kembali suami kerana saya juga pernah melakukan dosa zina kerana marah dengan sikapnya sebelum ini tetapi saya tidak pernah memberitahu hal ini kepadanya. Kini hidup saya seakan-akan diburu dosa, saya takut untuk berterus terang dengannya kerana suami mulai nampak berubah.

Ada kala saya takut berbincang kerana takut kami bergaduh lagi dan anak-anak menjadi mangsa kerana perbincangan sebelum ini semuanya berakhir dengan kemudaratan. Adakah perkahwinan kembali ini menjadi permulaan perjalanan bagi seorang wanita ke neraka?

Apa yang perlu saya lakukan dengan dendam ini. Saya akui saya silap tetapi saya lakukannya kerana tidak pernah dihargai sebelum ini. Tolonglah saya Prof! Sehingga saat ini saya tertanya-tanya adakah saya sedang melakukan dosa kerana menyembunyikannya darinya semua hal ini.

Ruangan ini memberi peluang kepada pembaca berkongsi kisah hati, konflik rumah tangga dan sebagainya. Semoga dengan bantuan kaunselor membolehkan pembaca mendapat panduan menyelesaikan masalah peribadi yang dialami. Jika mahu berkongsi kisah, boleh emelkan permasalahan anda kepada [almaswa@karangkrak.com.my](mailto:almaswa@karangkrak.com.my)

Headline	BERZINA Kerana Dendam Kepada Suami		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	20 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	480,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	120,121	ArticleSize	1166 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 11,357	PR Value	RM 34,071

## SARANAN KAUNSELOR

### Assalamualaikum WRT

#### Puan yang dimulikan,

Mempertahankan diri untuk menjadi isteri yang solehah atau suami yang soleh adalah satu usaha yang sangat mencabar dalam dunia moden ini. Para suami dan isteri sangat terdedah dengan berbagai-bagai desakan dan peluang untuk mendapatkan hiburan di luar termasuk peluang untuk "berzina" secara berleluasa seolah-olah semuanya boleh dilakukan tanpa batasan. Keadaan ini berleluasa kerana para lelaki dan wanita yang terlibat masing-masing bersetuju untuk melakukan makisat dan mengetepikan soal dosa dan pahala.

Ada juga yang melakukan semua itu sebagai memenuhi tuntutan nafsu yang melampau atau mengikut trend masa kini atau menurut desakan untuk membalas dendam serta berbagai-bagai alasan ciptaan manusia untuk "menghalakan" semua perlakuan tersebut. Lebih buruk lagi sekiranya semua perlakuan tersebut menjadi ketagihan serta dilakukan berulang kali dan menjadi perlakuan rutin dalam kehidupan mereka.

Semua perlakuan ini hanya diberhentikan sekiranya mereka mendapat peringatan, kesusahan, penyakit berjangkit atau desakan daripada pihak lain. Kesedaran yang sementara terhadap kesilapan ini sering kali mengundang kepada pengulangan semula perlakuan yang menyimpang ini. Kekesalan dan kesedaran yang sebenarnya hanya akan datang apabila semuanya sudah terlambat dan individu terlibat akan terjebak dalam kekecewaan dalam kehidupan sehingga ke hari tua.

Isu yang puan paparkan menunjukkan puan rasa bersalah kerana melakukan zina untuk membalas dendam terhadap suami yang "disyaki" melakukan zina. Semua perlakuan buruk ini tersingkap dan menjadi perhatian umum apabila puan sudah tidak kuat untuk mempertahankan perkahwinan ini kerana suami puan semakin "kemaruk" untuk berzina dan membiarkan puan terkapai-kapai tanpa perhatian dan kasih sayang.

Apabila puan merasakan diri puan telah diabaikan dan suami puan begitu asyik berzina sehingga tidak dapat meninggalkan perlakuan sumbang itu yang seolah-olah sudah sebat dengan kehidupannya sebagai anggota beruniform. Peluang tugas rasmi dijadikan sebagai platform untuk bersandiwara dengan berbagai-bagai pasangan serta mengabaikan puan sebagai isterinya yang sah.

Untuk mengatasi isu puan ini pertama puan perlu selidik secara jelas sama ada suami puan benar-benar berzina atau suami puan sudah berkahwin lagi. Sekiranya sudah sah suami puan berzina maka puan perlu membantu suami agar kembali ke pangkal jalan.

Setakat ini puan sudah berbincang, puan sudah putuskan, puan sudah melaporkan kepada pihak atasan puan dan berbagai-bagai tindakan lagi bagi membendung tingkah laku suka berzina suami puan. Mungkin usaha yang puan belum buat adalah berbincang dengan ahli keluarga yang rapat dan disegani oleh suami puan. Keadaan ini akan menyebabkan suami puan mendengar nasihat dan meninggalkan semua yang haram dan kembali kepada yang halal.

Seterusnya puan perlu berbincang dengan suami tentang kepentingan untuk meninggalkan hubungan yang haram ini dan bersedia untuk berpoligami jika itu dapat membendung suami puan dari berzina. Mungkin nafsu beliau yang sangat kuat memerlukan perhatian dari beberapa orang isteri bagi memuaskan desakan seksual beliau. Sememangnya sakit hati dan emosi puan bila berpoligami tetapi sakit lagi dosa yang puan tanggung jika membiarkan suami berzina tanpa arah tujuan. Puan juga akan terdedah dengan penyakit kelamin jika puan membiarkan suami terus menerus mengamalkan seks bebas.

Sejarah hitam diri puan sebagai wanita yang berzina merupakan masa silam puan yang jahil dan jauh daripada rahmat Allah SWT. Bersyukurlah kerana puan diberikan hidayah untuk bertaubat dan kembali ke jalan yang diredhai Allah SWT. Oleh itu puan tidak boleh abaikan hidayah ini, teruskan bertaubat dan menyusun semula kehidupan puan agar puan lebih tenang dan kembali ke jalan yang mulia dan terpuji.

Sekiranya puan yakin dengan menceritakan kisah silam puan akan membuatkan suami puan lebih baik dan insaf maka teruskanlah tetapi sekiranya pengakuan puan tidak mendatangkan hasil yang positif maka puan perlu lupakan sahaja dan teruskan kehidupan puan sehingga puan ada kekuatan untuk mohon maaf dari suami puan atas segala kesalahan ini. Namun jika hasil perzinaan puan telah menyebabkan puan mengandung maka puan mesti maklumkan kepada suami kerana ia melibatkan status anak puan nanti.

Puan juga telah merasai keperitan melakukan dosa dan kecewa dengan perbuatan sendiri. Ini menunjukkan tanda-tanda iman kepada puan yang sudah mula

berbunga dan menyedari dosa-dosa lalu. Sewajarnya puan terus berusaha untuk kekal dan iman dan menolak semua perlakuan yang mengundang dosa dalam diri puan.

#### Puan yang dimulikan...

Kehidupan yang singkat ini merupakan satu peluang untuk kita mencari seberapa banyak kebaikan dan keredhaan Allah SWT agar hidup kita yang panjang di akhirat nanti akan terbelah dan bahagia. Jangan jadikan dendam puan kepada suami yang curang ini menjerumuskan diri puan ke lembah yang hina.

Angkat semula kemuliaan diri puan sebagai insan yang mulia, isteri yang solehah serta anak yang beriman agar puan menghormati diri puan sendiri sebagai wanita yang suci di sisi tuhan dan manusia. bertaubatliah atas segala dosa yang pernah puan lakukan dan berikrarlah kepada diri puan untuk tidak melakukannya lagi.

Bimbinglah suami puan selagi mampu dan buka buku baru dalam kehidupan puan dengan mendekati diri dengan Allah SWT. Yakinlah bahawa Allah SWT maha pengampun dan maha mengasihani. Rancang kehidupan puan ke arah yang lebih baik dan sejahtera. **W**



PROF. MADYA DR. NOOR AZNIZA ISHAK  
Dekan (Dean) Pusat Pengajian Psikologi  
Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (School of  
Applied Psychology, Social Work & Policy)  
Universiti Utara Malaysia |  
06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia